

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB**

**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN**

**PADA 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS) DI DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGERUSI MAJLIS

YBRS. TUAN HAJI SARANI BIN DOLLAH

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

KEMENTERIAN KERJA RAYA

YBHG. DATUK DR. HAJI AWANG BIN SARIAN

KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN BORHAN

KETUA EKSEKUTIF YAYASAN KARYAWAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DAN AGENSI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DARIPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH , SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA.

1. SAYA MULAKAN UCAPAN SAYA DENGAN SERANGKAP PANTUN SESUAI DENGAN MAJLIS KITA PADA PAGI INI

SELASIH MEKAR DI TENGAH DESA  
MENCELAH SAMA KEMBANG MELATI  
BAHASA KEBANGSAAN JIWA BANGSA  
PERPADUAN DISEMAI BERSATU HATI

2. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGUCAPKAN KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERHIMPUN DALAM MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2014.

YBHGS. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. BULAN BAHASA KEBANGSAAN MERUPAKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENYEMARAKKAN RASA CINTA MASYARAKAT TERHADAP BAHASA KEBANGSAAN MELALUI PELBAGAI PROGRAM YANG DIRANCANGKAN. MEMPERKASAKAN BAHASA KEBANGSAAN JUGA BERMAKNA KITA MENDUKUNG PERLEMBAGAAN NEGARA YANG MEMAKTUBKAN BAHAWA BAHASA MELAYU / MALAYSIA SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA RASMI NEGARA JUGA SEIRINGAN DENGAN PRINSIP KETIGA RUKUN NEGARA IAITU MENDUKUNG “KELUHURAN PERLEMBAGAAN.”

4. SELAIN ITU, PROGRAM INI DILIHAT SEBAGAI SATU PLATFORM UNTUK MENDIDIK MASYARAKAT YANG BERBILANG BANGSA AGAR DAPAT DIHAYATI DAN SETERUSNYA MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN YANG SEJAK SEKIAN LAMA TELAH BERPERANAN PENTING SEBAGAI BAHASA ILMU, BAHASA PENGANTAR PENDIDIKAN, BAHASA PERPADUAN DAN BAHASA KEMAJUAN BANGSA SERTA TONGGAK PEMBINAAN NEGARA BANGSA.
5. KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DENGAN KERJASAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DIBERI MANDAT UNTUK TURUT SAMA-SAMA MEMERIAHKAN SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PADA TAHUN INI. KKR MENJADI ANTARA 12 KEMENTERIAN ATAU SEKTOR YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM JAWATANKUASA PELAKSANAAN BAHASA KEBANGSAAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA.
6. MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KEBANGSAAN TELAH DISEMPURNAKAN OLEH YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI PADA 14 OKTOBER YANG LALU DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC). MANAKALA PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA PULA TELAH DILAKSANAKAN PADA 19 OKTOBER 2014 YANG LALU, DISUSULI DENGAN PROGRAM KEMBARA BAHASA JALAN PERSEKUTUAN YANG DISERTAI OLEH 56 ORANG PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA WAKIL SETIAP BAHAGIAN DI KKR. KEMBARAINI BERMULA DARI KOMPLEKS KERJA RAYA, KUALA LUMPUR KE IPOH, PERAK SEJAUH 220 KILOMETER DENGAN MELALUI JALAN PERSEKUTUAN FT 1 MELIBATKAN LALUAN KUALA LUMPUR – RAWANG – TANJONG MALIM – SLIM RIVER – TAPAH – KAMPAR – IPOH.

7. DI SEPANJANG PERJALANAN PARA PESERTA DIBERI TUGASAN MENGAMBIL GAMBAR KESALAHAN-KESALAHAN BAHASA YANG TERDAPAT DI PAPAN-PAPAN TANDA JALAN DAN PAPARAN IKLAN SETERUSNYA DIBENTANGKAN UNTUK MAKLUMAN DAN PERBINCANGAN PARA PESERTA. DI SAMPING ITU, PARA PESERTA JUGA DIBERI TUGAS UNTUK MENJAWAB SOALAN-SOALAN UMUM BERKENAAN JALAN PERSEKUTUAN, BERSERTA AKTIVITI CERAMAH BAHASA DAN PERSEMBAHAN KUMPULAN. KESEMUA AKTIVITIINI BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI DI IPOH , PERAK DENGAN PENGLIBATAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JKR NEGERI PERAK.
8. TUJUAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG KITA LAKSANAKAN INI ADALAH UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA WARGA KEMENTERIAN BERKENAAN KEPENTINGAN MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN SERTA PADA MASA YANG SAMA MEMAHAMI FUNGSI DAN TUGAS KKR.

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

9. PADA HARI INI, KITA AKAN MENDENGAR CERAMAH OLEH TOKOH BAHASA YANG DIJEMPUT KHAS IAITU YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN BORHAN, KETUA EKSEKUTIF, YAYASAN KARYAWAN. SETERUSNYA PARA HADIRIN AKAN MENYAKSIKAN PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK DAN PERTANDINGAN LAGU PUISI YANG AKAN DIPERSEMBAHKAN OLEH WARGA KEMENTERIAN DAN AGENSI. SELAIN ITU, PERTANDINGAN MENGARANG ESEI JUGA TELAH KITA JALANKAN BERMULA DARI 20 SEPTEMBER 2014 HINGGA 20 OKTOBER 2014 YANG LALU, KESEMUA PEMENANG BAGI PERTANDINGAN-PERTANDINGAN TERSEBUT KITA AKAN KETAHUI PEMENANGNYA PADA HARI INI.
10. INSYAALLAH, SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN INI AKAN MENJADI ACARA TAHUNAN KEMENTERIAN INI DAN AKAN DIISI DENGAN PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI LAGI PADA TAHUN-TAHUN HADAPAN.

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,  
AKHIR SEKALI, SUKA SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENGUCAPKAN  
TAHNIAH KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR MAJLISINI DAN DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA DI ATAS BANTUAN, KERJASAMA DAN BIMBINGAN  
YANG DIBERIKAN.

YANG KURIK ITU KUNDI  
YANG MERAH ITU SAGA  
YANG CANTIK ITU BUDI  
YANG INDAH ITU BAHASA

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM SAYA MERASMIKAN  
SAMBUTAN BULAN BAHASA PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA  
2014.

11. SEKIAN, ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.